



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



AMALAN PEMBELAJARAN HIBRID DAN KESEDIAAN
KENDIRI PELAJAR DEWASA

HYBRID LEARNING PRACTICES AND SELF-READINESS OF ADULT LEARNERS

Nurfadzlieyana Azmiera Anuar¹, Shahlan Surat^{2*}

¹ Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: fadzlieyanaazmiera@gmail.com

² Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: drshahlan@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2025

Revised date: 16.11.2025

Accepted date: 20.12.2025

Published date: 29.12.2025

To cite this document:

Anuar, N. A., & Surat, S. (2025). Amalan Pembelajaran Hibrid Dan Kesiediaan Kendiri Pelajar Dewasa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 1310-1328.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061090

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini mensintesis dapatan literatur mengenai amalan pembelajaran hibrid dan hubungannya dengan kesiediaan sendiri pelajar dewasa di institusi pengajian tinggi. Satu tinjauan sistematik mengikut model PRISMA dijalankan melalui carian di *Web of Science*, *SCOPUS*, *UKM MyJurnal*, *EBSCO*, *ProQuest* dan *SAGE* bagi artikel 2019–2024; daripada 800 artikel, 35 dipilih untuk analisis. Dapatan menunjukkan pembelajaran hibrid meningkatkan autonomi pelajar, fleksibiliti masa dan akses bahan; integrasi platform digital serta strategi seperti *flipped classroom*, gamifikasi dan *scaffolding adaptif* meningkatkan motivasi intrinsik dan kemahiran sendiri. Literasi digital dan keyakinan akademik berkorelasi positif dengan penglibatan aktif dalam komponen dalam talian dan bersemuka. Namun, kebanyakan kajian menggunakan reka bentuk rentas masa dan instrumen sendiri yang berpotensi bias. Disyorkan kajian lanjut menggunakan reka bentuk longitudinal dan metodologi campuran serta pengumpulan data tingkah laku untuk memperkukuh penemuan dan menyokong ujian intervensi langsung terhadap sokongan teknikal dan psikososial boleh dijalankan bagi mengurangkan tekanan serta meningkatkan efikasi sendiri pelajar.

Kata Kunci:

Andragogi, Kesiediaan Kendiri, Literasi Digital, Motivasi Intrinsik, Pembelajaran Hibrid

Abstract:

This study synthesizes existing literature on hybrid learning practices and their relationship with adult learners' self-directed readiness in higher education

institutions. A systematic review following the PRISMA framework was conducted using searches across Web of Science, SCOPUS, UKM MyJurnal, EBSCO, ProQuest, and SAGE for articles published between 2019 and 2024. Of the 800 articles initially identified, 35 were selected for final analysis. The findings indicate that hybrid learning enhances learner autonomy, time flexibility, and access to learning resources. The integration of digital platforms and pedagogical strategies such as flipped classrooms, gamification, and adaptive scaffolding was found to foster intrinsic motivation and self-regulation skills. Additionally, digital literacy and academic self-efficacy were positively correlated with active engagement in both online and face-to-face learning components. However, most studies employed cross-sectional designs and relied on self-reported instruments, which may introduce potential bias. Future research is therefore recommended to adopt longitudinal and mixed-method approaches, incorporating behavioral data, to strengthen empirical evidence and to examine direct interventions in technical and psychosocial support aimed at reducing learner stress and enhancing self-efficacy.

Keywords:

Andragogy, Digital Literacy, Hybrid Learning, Intrinsic Motivation, Self-Directed Learning Readiness

Pengenalan

Perkembangan teknologi masa kini telah menyediakan pelbagai kemudahan terhadap keberkesanan dan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di pelbagai peringkat termasuk di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (Roslizawati, Chew Wei & Kong Lee, 2021). Kebergantungan kepada teknologi telah menjadi pemangkin kepada perubahan paradigma dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang mana ianya telah menyatukan tiga konsep pendidikan utama iaitu pendidikan formal, bukan formal dan tidak formal dalam satu pendekatan komprehensif yang dikenali sebagai pembelajaran hibrid (Josnara Khatun, Merajul Hasan & Ujjwal Kumar, 2021). Pembelajaran hibrid didefinisikan sebagai proses pembelajaran yang menggabungkan konsep secara bersemuka (*face-to-face*) dengan pengajaran berasaskan teknologi digital atau secara dalam talian (Jonara et al., 2021). Melalui penulisan Bonk dan Graham (2006) di dalam buku mereka bertajuk "*Handbook of Blended Learning*" juga mentakrifkan amalan pembelajaran hibrid sebagai satu kombinasi pembelajaran dalam talian dan pembelajaran tradisional di dalam kelas yang mengaplikasi kemudahan teknologi dalam pembelajaran sebagai alat bantu dan pelajar lebih fleksibel untuk memilih mod kehadiran sama ada hadir ke kelas secara fizikal atau hanya secara dalam talian.

Definisi tersebut juga selari dengan takrifan pembelajaran hibrid oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT, 2024) iaitu merujuk kepada kaedah penyampaian pembelajaran yang melibatkan pelajar dengan kehadiran secara fizikal di lokasi pembelajaran bersama tenaga pengajar atau mengikuti pembelajaran tersebut secara dalam talian. Tenaga pengajar memudah cara sesi pembelajaran tersebut secara segerak. Pendekatan tersebut telah banyak diaplikasikan di peringkat IPT sama ada awam mahupun swasta terutama sekali sewaktu berlakunya pandemik Covid-19 yang memerlukan pelajar untuk meneruskan pembelajaran dari rumah (Ali & Juwita, 2020). Menurut Ali dan Juwita (2020), kaedah pembelajaran hibrid ini telah memberi satu pendedahan baharu kepada pelajar iaitu daripada segi kawalan terhadap masa, tempat, kadar dan laluan pembelajaran mereka sendiri serta memberi galakkan interaksi dua hala dalam persekitaran yang fleksibel.

Hal ini menunjukkan bahawa struktur pembelajaran yang terbentuk adalah lebih ke arah pembelajaran berpusatkan pelajar yang mana pelajar diberi peranan yang lebih aktif dan autonomi dalam aktiviti pembelajaran (Mohd Afifi, Mohamed Ayob, Norfadhilah, Roslina & Nazimah, 2019). Melalui pernyataan tersebut, ianya selari dengan konsep pembelajaran Andragogi yang diketengahkan oleh Malcolm Knowles yang mana salah satu ciri utamanya ialah bersifat autonomi dan sendiri (Knowles, 1968). Meskipun amalan pembelajaran hibrid ini terlihat seperti autonomi lebih kepada pelajar, namun pihak KPT masih menetapkan prinsip pentaksiran yang adil dengan tidak memberikan kelebihan kepada mana-mana mod (*unfair advantage*) sama ada secara fizikal bersemuka dan secara dalam talian (KPT, 2024).

Klausu tersebut merangkumi tiga aspek utama iaitu penyediaan soalan daripada segi aras kesukaran, skop pentaksiran dan jenis soalan, kaedah pelaksanaan pentaksiran dari segi masa, tempoh, platform pentaksiran dan kaedah pengawasan pentaksiran. Melalui garis panduan tersebut, penilai ke atas pelajar masih lagi menjadi tanggungjawab dan kuasa tenaga pengajar bagi menilai tahap akademik mereka. Sesuai dengan ciri yang diketengahkan oleh Knowles (1968), salah satu faktor penentu keberkesanan amalan pembelajaran hibrid yang fleksibel ini ialah kesediaan sendiri pelajar (Josnara et al., 2021). Melihat daripada sudut pelajar dewasa, kesediaan sendiri merujuk kepada keupayaan pelajar untuk mengenalpasti keperluan pembelajaran, merancang strategi, melaksanakan tugas dan menilai keberkesanan proses pembelajaran secara autonomi (Shiah & Jun-Yun, 2021). Definisi oleh Shiah dan Jun-Yu (2021) tersebut selari dengan Model *Self-Directed Learning* (SDL), diketengahkan oleh Garrison yang terbahagi kepada tiga domain utama iaitu pengurusan diri (*self-management*), keinginan belajar (*desire for learning*) dan kawalan diri (*self-control*) (Win & Ahmad, 2023).

Berdasarkan domain tersebut, kesediaan sendiri pelajar sememangnya mempunyai persamaan dengan prinsip-prinsip Andragogi seperti pernyataan sebelumnya (Mohd Afifi et al., 2019). Menurut Garrison (1997), pelajar yang berdaya saing tinggi dalam aspek-aspek tersebut cenderung lebih berjaya dalam pembelajaran sendiri.

Hal ini kerana ianya terkait dengan motivasi belajar yang tinggi akan menjadi dorongan instrinsik bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan diri sekaligus memperbaiki kemahiran pengurusan sendiri (Garrison, 1997). Berdasarkan konsep SDL ini juga, pelajar dapat diukur tahap disiplin dan fokus mereka dalam pembelajaran kerana didapati semakin tinggi tahap kesediaan sendiri pelajar maka semakin mudah untuk mereka menyesuaikan strategi pembelajaran apabila berganjak antara modul dalam talian dan bersemuka (pembelajaran hibrid) (Shahidra & Nor Fahimah, 2022). Selanjutnya, konsep kesediaan sendiri sememangnya saling berkait dengan Teori Andragogi yang mendefinisikan pelajar dewasa sebagai individu yang belajar secara sendiri dengan sokongan motivasi intrinsik dan ekstrinsik serta pengalaman lampau (Knowles, 1968). Teori Knowles juga menklasifikasikan bahawa pembelajaran bagi pelajar dewasa adalah tidak diukur berdasarkan umur tetapi lebih kepada mereka yang mempunyai kriteria seperti kembali melanjutkan pelajaran selepas tamat sekolah menengah, mempunyai pengalaman kerja dan mengambil keputusan menyambung pelajaran secara sukarela.

Kriteria tersebut memberi gambaran kepada pembentukan autonomi dalam pembelajaran yang mana pelajar dewasa mampu untuk membuat keputusan dan tidak bergantung kepada pensyarah semata-mata, menggunakan pengalaman hidup untuk memperoleh ilmu baru, didorong oleh motivasi intrinsik dan mempunyai orientasi pembelajaran berasaskan masalah dan diaplikasikan dalam kehidupan sebenar (Knowles, 1986). Dalam konteks ini, reka bentuk

pembelajaran hibrid bukan sahaja menyepadukan teknologi, tetapi juga memberi ruang kepada refleksi, interaksi aktif dan penyesuaian berterusan berdasarkan maklum balas pelajar (Masson, Aine & Collette, 2008).

Metodologi

Kajian tinjauan sistematik dijalankan bagi mengenal pasti pengetahuan yang lengkap dan sahih bagi sesuatu kajian yang ingin dikaji dan sebagai bukti bagi menjawab persoalan kajian (Pollock & Berge, 2017). Selain itu, kelebihan bagi kaedah kajian tinjauan sistematik ini terletak pada proses pemilihan literatur yang boleh ditentukan dan dipilih bagi memenuhi kriteria kajian yang berfungsi sebagai bukti kesahihan daripada kajian-kajian lepas (Kamarul Azmi, 2012). Melalui kaedah kajian ini, pengkaji boleh mengumpul dan memilih literatur serta menjalankan analisis bagi mengenal pasti jurang pada kajian-kajian lepas serta menentukan hala tuju kajian selanjutnya pada masa akan datang.

Pengkaji telah menggunakan model PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analysis*) bagi mengukuhkan proses pencarian artikel dan penilaian kualiti kajian lepas yang ditemui. Carta alir model PRISMA mengandungi empat fasa utama iaitu Pengenalpastian (*Identification*), Penyaringan (*Screening*), Kelayakan (*Eligibility*) dan Termasuk (*Included*). Fasa pertama ialah Pengenalpastian (*Identification*), iaitu pencarian artikel telah dijalankan melalui beberapa pangkalan data yang sahih seperti *Web of Science* (WOS), SCOPUS, UKM Library/MyJurnal, EBSCO, ProQuest dan SAGE bagi pencarian artikel jurnal berkaitan amalan pembelajaran hibrid dan tahap kesediaan sendiri pelajar dewasa. Kata kunci yang digunakan adalah seperti “pembelajaran hibrid”, “*online learning*”, “kesediaan sendiri”, “pelajar dewasa” dan “SDL”. Hasil pencarian melalui pangkalan data tersebut adalah sejumlah 800 kajian.

Jadual 1: Jumlah Artikel Bagi Setiap Pangkalan Data

Pangkalan Data	Jumlah Artikel
Web of Science (WOS)	6
SCOPUS	5
UKM Library/MyJurnal	3
EBSCO	7
ProQuest	7
SAGE	7
Total	35


Seterusnya pada fasa kedua diteruskan dengan Proses Penyaringan (*Screening*) yang mana sebanyak 378 artikel jurnal dikeluarkan daripada senarai memandangkan berlaku pertindihan dan pengulangan artikel yang sama dalam pangkalan data yang digunakan. Saringan diteruskan dengan mengeluarkan artikel yang tidak menepati kriteria kemasukan yang ditetapkan oleh pengkaji iaitu sebanyak 233 artikel telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria seperti

jenis dokumen, bidang, tahun penerbitan, tajuk kajian, bahasa dan populasi. Kriteria yang ditentukan secara tidak langsung membantu pengkaji untuk melakukan penyaringan artikel dengan lebih berkesan dan tertumpu ke arah objektif kajian. Jadual 2 menunjukkan kriteria kemasukan dan pengecualian yang diambil kira dalam proses pemilihan artikel.

Jadual 2: Data Kriteria Kelayakan Dan Pengecualian Artikel

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Jenis dokumen	Artikel Jurnal	Artikel seminar, prosiding dan kajian sistematik
Bidang	Sains Sosial, Psikologi, Pendidikan	Perubatan, Undang- undang, lain-lain yang tiada berkenaan dengan amalan pembelajaran hibrid
Tahun penerbitan	2019 – Terkini	2018 dan tahun sebelumnya
Tajuk Kajian	Kata Kunci: “pembelajaran hibrid”, “kesediaan sendiri pelajar”, “pelajar dewasa”	Pra-sekolah, tadika, kanak-kanak
Bahasa	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Populasi	Pelajar dewasa, siswazah	Kanak-kanak, murid sekolah rendah, murid sekolah menengah

Selanjutnya pada fasa ketiga ialah Kelayakan (*Elegibility*) iaitu sebanyak 378 artikel telah disaring sekali lagi dengan memfokuskan kepada tajuk serta abstrak kajian bagi melihat gambaran keseluruhan artikel. Daripada peringkat ketiga ini, sebanyak 105 artikel telah dikeluarkan memandangkan ia tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Kemudian, pada fasa terakhir iaitu Termasuk (*Included*) telah mengenal pasti jumlah akhir artikel yang boleh dikumpul untuk dianalisis. Setelah selesai disaring, 35 artikel dipilih untuk disintesis.



Rajah 1 2: Proses Saringan Artikel

Dapatan Kajian

Berdasarkan 35 artikel yang telah disaring dan dianalisis, sembilan artikel adalah dari Malaysia dan selebihnya 26 artikel adalah daripada dapatan penulisan luar negara. Kebanyakan artikel dari Malaysia membincangkan tentang pembelajaran secara dalam talian yang juga merupakan salah satu ciri utama pembelajaran hibrid. Pembelajaran hibrid sememangnya berkonsepkan dalam talian dan masih mengekalkan pembelajaran secara bersemuka tetapi lebih memberi peluang kepada pelajar untuk memilih mod pembelajaran yang paling fleksibel dan memudahkan untuk mereka. Penulisan artikel dari luar negara pula lebih memfokuskan secara spesifik kepada pembelajaran hibrid dengan melihat kesannya kepada pertumbuhan pelajar daripada pelbagai aspek termasuk kesediaan sendiri pelajar seperti tahap penerimaan, kreativiti, pemikiran kritis dan kreatif serta perkembangan daripada sudut psikologi yang pelbagai.

Jadual 3: Latar Belakang Kajian

Negara	Jumlah (N)
Malaysia	9
Luar Negara	26

Bagi aspek populasi kajian, majoriti artikel yang dipilih dan disaring melibatkan pelajar dewasa di peringkat pengajian tinggi seperti program ijazah sarjana muda dan pascasiswazah daripada pelbagai bidang (perubatan, kejuruteraan, sains sosial dan pengajian bahasa). Penulisan kali ini mengambil artikel berdasarkan konteks negara yang berbeza bagi memperoleh pendapat dan dapatan yang lebih pelbagai. Sebagai contoh, Devi et al., (2021) mengkaji 240 orang pelajar perubatan tahun ketiga di India iaitu seramai 120 bahagian kurikulum hibrid vs 120 pelajar dewasa di bawah pembelajaran tradisional manakala Heba Mohammed et al., (2025) pula melibatkan pelajar perubatan di Mesir dalam program campuran yang mengintegrasikan pengajaran di dalam kelas dan secara dalam talian. Secara keseluruhan, populasi kajian yang dipilih adalah daripada golongan pelajar di pengajian tinggi yang memberi gambaran tentang sikap dewasa muda terhadap pembelajaran hibrid.

Hasil daripada analisis kajian-kajian yang dirangka menunjukkan kepelbagaian reka bentuk penyelidikan. Kebanyakan kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan mix-methods seperti kuasi-eksperimen dengan reka bentuk ujian pra-pasca, rentas-kapasiti (cross-sectional) melalui soal selidik, tinjauan berstruktur dan temubual. Menurut Sabitha Marican (2005), reka bentuk kajian yang dipilih adalah bergantung kepada sampel yang menjadi pilihan pengkaji dan persoalan kajian yang ingin dilihat. Hal ini kerana sampel dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu manakala persoalan kajian melibatkan hubungan antara pemboleh ubah dan jenis pemboleh ubah. Pendek kata, reka bentuk kajian merangkumi lakaran rekaan kajian yang pelbagai, bergantung kepada objektif penyelidikan masing-masing.

Jadual 4: Kaedah Kajian Artikel

Kaedah Kajian	Jumlah (N)
Kuantitatif	24
Kualitatif	4
<i>Mix-methods</i>	5
Kajian Literatur	2

Kaedah pengumpulan data yang dominan adalah melalui soal selidik dan instrumen berstandard, diikuti oleh analisis data kuantitatif. Sebagai contoh, Devi et al., (2021) menggunakan instrumen soal selidik berskala *Likert* (SDLRS) dengan 40 item bagi mengukur tahap kesediaan sendiri pelajar. Beberapa kajian lain pula melibatkan temubual dan kumpulan fokus seperti melalui kajian Alharthy (2025) yang melaksanakan kaedah temubual dengan pensyarah dan pelajar. Secara keseluruhannya, instrumen kuantitatif seperti soal selidik dan ujian prestasi adalah kaedah utama bagi mengukur pembolehubah seperti kesediaan sendiri pelajar, kefahaman konsep dan motivasi pelajar dewasa.

Jadual 5: Ringkasan Sorotan Artikel Amalan Pembelajaran Hibrid dan Kesediaan Kendiri Pelajar Dewasa

Bil.	Nama Penulis	Tahun Negara	/ Metodologi Kajian	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian
1	Monachesi & Pao	2024 Spain	/ Kualitatif	<i>The Impact of Hybrid Spaces in Higher Education Experiential Learning</i>	Pembelajaran hibrid memperkukuh fleksibiliti dan personalisasi pembelajaran pelajar dewasa; menyokong interaksi sosial dan meningkatkan kesediaan sendiri.
2	Wut Tai Ming et al.	2022 China	/ Kuantitatif	<i>University Student Readiness and Its Effect on Intention to Participate in the Flipped Classroom Setting of Hybrid Learning</i>	Kesediaan dan kawalan persepsi pelajar mempengaruhi niat untuk belajar dalam flipped classroom; tiada perbezaan signifikan antara mod pembelajaran.
3	Ivanov, Smolyaninova & Artem	2023 Rusia	/ Kualitatif	<i>Formation of Methodological Readiness for Mediation Using a Hybrid Model</i>	Gabungan kuliah bersemuka dan modul talian meningkatkan kemahiran mediasi dan

Bil.	Nama Penulis	Tahun Negara	/ Metodologi Kajian	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian
					kefahaman konsep pelajar.
4	Mabanza & Ntima	2024 Spain	/ Kuantitatif	<i>Adults' Readiness to Embrace 4IR Technologies in the South African Context</i>	Pelajar dewasa menunjukkan minat tinggi terhadap teknologi 4IR; pembelajaran hibrid memupuk kemahiran kolaborasi dan adaptasi.
5	Bou-Hamad & El Danaoui	2024 Lebanon	/ Kuantitatif	<i>Effects of E-learning Readiness and Psychological Distress on Graduate Students' E-learning Satisfaction</i>	Tekanan emosi menurunkan kepuasan; 66% pelajar lebih memilih model hibrid kerana gabungan fleksibiliti digital dan interaksi langsung.
6	Romaniuk & Wieleba	2022 Poland	/ Kuantitatif	<i>Hybrid Education in Higher Education Post-pandemic</i>	Pelajar menilai diri lebih bersedia berbanding pensyarah; kelebihan utama ialah fleksibiliti dan produktiviti.
7	Ouhbi & Pombo	2024 Spain	/ Kuantitatif	<i>Hybrid Work Provides the Best of Both Worlds</i>	Emosi pelajar berbeza berdasarkan pengalaman kolaboratif; fleksibiliti dan kepuasan tinggi dalam tugas kumpulan hibrid.
8	Paimin et al.	2024 Malaysia	/ Kuantitatif	<i>Resilience Profile of First-Year Students During Hybrid Learning</i>	Pelajar menunjukkan tahap ketekunan, inisiatif, dan daya usaha yang tinggi semasa tahun pertama peralihan.
9	Devi, Devan & Han	2021 India	/ Kuantitatif	<i>Comparison of Self-directed Learning Readiness among Hybrid and Traditional Curriculum</i>	Pelajar tradisional lebih bersedia SDL; perlu sokongan tambahan dalam pengurusan sendiri.
10	Qiong Li, Rongrong Xie & Minhui Li	2025 China	/ Mix-Methods	<i>Factors Influencing Positive Perceptions of Hybrid Teaching</i>	Persepsi meningkat positif dengan kestabilan teknikal, komunikasi dua hala,

Bil.	Nama Penulis	Tahun Negara	/ Metodologi Kajian	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian
					dan sokongan teknikal intensif.
11	Hadad Shlomit	2025 Palestine	/ Kuantitatif	<i>Learning in Crisis: Self-Regulation and Academic Stress</i>	Pembelajaran hibrid menurunkan tekanan akademik dan meningkatkan self-regulation berbanding mod tunggal.
12	Wut, Wong & Sum	2025 China	/ Kualitatif	<i>Person-to-person Interactions in Hybrid Teaching and Learning</i>	Reka bentuk pelajaran inklusif, aktiviti kolaboratif dan sokongan teknikal penting bagi interaksi guru-pelajar dalam mod hibrid.
13	Wang et al.	2025 China	/ Mix-Methods	<i>Enhancing Student Acceptance of AI-driven Hybrid Learning</i>	Keyakinan sendiri dan penglibatan emosi mempengaruhi penerimaan AI; sokongan institusi memperkukuh sikap positif.
14	Jamaluddin et al.	2025 Malaysia	/ Kuantitatif	<i>Students' Engagement During Virtual Learning Implementation at UNITEN</i>	Kursus teori berkesan secara maya; kursus makmal memerlukan interaksi fizikal; jam kontak mempengaruhi fokus pelajar.
15	Fan Zhang et al.	2024 China	/ Kuantitatif	<i>Assessing and Prioritizing Interactive Teaching Modes</i>	Mod blended paling sesuai berdasarkan kepuasan dan interaktiviti pelajar; flipped classroom disarankan sebagai tambahan.
16	Fitri Jaya & Adisthy Nurqamarani	2023 Indonesia	/ Kuantitatif	<i>Student Engagement in Hybrid Learning: Impact of Digital Literacy & Self-Efficacy</i>	Literasi digital dan efikasi sendiri tinggi meningkatkan motivasi dan komitmen pelajar dalam pembelajaran hibrid.
17	Julie Mae et al.	2024 Filipina	/ Kuantitatif	<i>Self-Concept, Motivation and Learning Styles among Adult Learners</i>	Motivasi penting dalam membentuk gaya dan hasil pembelajaran; perlu strategi

Bil.	Nama Penulis	Tahun Negara	/ Metodologi Kajian	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian
					pengajaran disesuaikan dengan pelajar dewasa.
18	Roslizawati Taib et al.	2021 Malaysia	/ Kajian Literatur	<i>Kesediaan Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Elektronik</i>	Pelajar masih cenderung kepada pembelajaran bersemuka; interaksi sosial penting bagi keberkesanan e-pembelajaran.
19	Fatema Alharthy	2025 Arab Saudi	/ Kualitatif	<i>Hybrid Learning in Teaching English for Medicine</i>	Meningkatkan disiplin diri, penglibatan aktif dan aplikasi dunia sebenar; cabaran teknologi masih wujud.
20	Heba Mohammed et al.	2025 Arab Saudi	/ Mix-Methods	<i>Hybrid Learning to Enhance English Proficiency and Motivation</i>	Model hibrid meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, motivasi dan kepuasan pelajar perubatan.
21	Gudoniene et al.	2025 Eropah	/ Kajian Literatur	<i>Hybrid Teaching and Learning in Higher Education: A Systematic Review</i>	Penglibatan pelajar aktif dan hasil pembelajaran lebih baik apabila cabaran ditangani melalui penilaian formatif.
22	Yee Ling Lee & Ramasamy R. Tharani	2024 Malaysia	/ Mix-Methods	<i>Hybrid Learning at Higher Education Institution: A Needs Analysis</i>	Isu utama kecil; pelajar melaporkan kefahaman baik terhadap kandungan, kaedah, dan penilaian dalam mod hibrid.
23	Nurkaliza Khalid & Norzalina Zainuddin	2020 Malaysia	/ Mix-Methods	<i>Online Learning Readiness and Situational Motivation among Mathematics Students</i>	Gamifikasi meningkatkan motivasi dan interaksi; namun amotivation kekal tanpa sokongan emosional tambahan.
24	Das & Bhuwandeep	2022 India	/ Kuantitatif	<i>Leveraging Student Engagement for Online Class Design in Management Education</i>	Penjadualan dan kaedah interaktif penting; reka bentuk pembelajaran perlu disesuaikan dengan tahap penglibatan pelajar.

Bil.	Nama Penulis	Tahun Negara	/ Metodologi Kajian	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian
25	Kumar & Pavan	2021 Malaysia	/ Kuantitatif	<i>Impact of Online Learning Readiness on Students' Satisfaction</i>	OLR berkorelasi positif dengan kepuasan pelajar; sokongan teknikal dan latihan pensyarah penting.
26	Fearnley & Christopher	2021 Malaysia	/ Kuantitatif	<i>Assessing Students' Online Learning Readiness: Are Freshmen Ready?</i>	Tiada perbezaan jantina; masa dalam talian dan program akademik mempengaruhi efikasi dan motivasi.
27	Fitriawan et al.	2023 Malaysia	/ Kuantitatif	<i>Impact of Online Learning Readiness on Students' Satisfaction</i>	Self-efficacy tinggi menurunkan tekanan psikologi; readiness dan distress mempengaruhi kesejahteraan akademik.
28	Murat Korucuk	2025 Arab Saudi	/ Kuantitatif	<i>Effect of Distance Education Self-Efficacy on Online Learning Readiness</i>	Self-efficacy menerangkan 91% variasi readiness; readiness meningkatkan kepuasan akademik.
29	Suresh et al.	2022 Pakistan	/ Kuantitatif	<i>Hybrid Educational Approach to Service Learning</i>	71% pelajar meningkat minat khidmat komuniti; model hibrid berkesan memperkukuh empati dan sikap positif.
30	Osaili et al.	2023 Ghana	/ Kuantitatif	<i>Comparison of Students' Perceptions of Online and Hybrid Learning</i>	66% pelajar positif terhadap hibrid; cabaran motivasi dan keselesaan fizikal masih perlu diatasi.
31	Ip & Wai-Ming To	2025 China	/ Kuantitatif	<i>Effects of Online Learning Readiness on English Learning Satisfaction</i>	OLR mempengaruhi kepuasan melalui pengurusan sendiri; penting membina kesiapsiagaan teknikal dan strategi belajar.
32	Genc, Nzif & Kirmizibayrak	2024 Turki	/ Kuantitatif	<i>EFL Learners' Readiness for Online and Self-directed Learning</i>	Tahap readiness sederhana; dipengaruhi jantina, pengalaman internet dan latar akademik; korelasi positif dengan kemahiran sendiri.

Bil.	Nama Penulis	Tahun Negara	/ Metodologi Kajian	Tajuk Kajian	Dapatan Kajian
33	Suryanto et al.	2024 Arab Saudi	/ Kuantitatif	<i>Assessing English Language Students' Attitudes in Hybrid Learning</i>	Sikap positif terhadap pembelajaran hibrid; fleksibiliti dan penggunaan teknologi jadi faktor utama.
34	Foxwell	2021	/ UK Kuantitatif	<i>Online Learning Readiness and Academic Performance</i>	Kesiapsiagaan teknikal dan komunikasi berkorelasi dengan minat mendaftar kursus atas talian masa depan.
35	Weeden & Lindsey Brooke	2024 USA	/ Kuantitatif	<i>Student Achievement in Tennessee Through Virtual, Bisynchronous, and Hybrid Learning</i>	Model bisinkronus capai pertumbuhan akademik tertinggi; hibrid berada di tempat kedua; tiada kesan pada kadar graduasi.

Perbincangan

Amalan Pembelajaran Hibrid

Berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada hasil analisis kajian yang dilaksanakan, didapati bahawa amalan pembelajaran hibrid mulai mendapat perhatian di peringkat pembelajaran selepas pasca pandemik (Milosz Wawrzyniec Romaniuk & Joanna Lukasiewicz-Wieleba, 2022). Penemuan ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran yang lebih fleksibel telah diketengahkan oleh pelbagai peringkat institusi bagi memastikan pelajar dapat meneruskan pembelajaran meskipun secara maya (Milosz Wawrzyniec Romaniuk & Joanna Lukasiewicz-Wieleba, 2022). Hal ini selari dengan pendapat yang diketengahkan oleh Monachesi dan Paola (2024) bahawa pelaksanaan model pembelajaran hibrid yang lebih bersifat fleksibel telah memberikan kemudahan yang efektif kepada pelajar untuk menuntut ilmu.

Pendekatan ini juga lebih berupaya untuk memupuk interaksi sosial sama ada secara dalam talian atau bersemuka, bergantung kepada keselesaan pelajar. Seperti dapatan oleh Ivanov, Smolyaninova dan Artem (2023), pelajar lebih efisien dan aktif dalam keadaan yang dirasakan selesa oleh mereka. Seterusnya, Ivanov et al., (2023) juga mendapati bahawa gabungan kuliah bersemuka dengan modul interaktif dalam talian dapat meningkatkan kefahaman konsep serta kemahiran mediasi pelajar siswazah. Tambahan lain, keputusan kajian Mabanza dan Ntima (2024) memperlihatkan bahawa pembelajaran hibrid dapat membantu pelajar dewasa untuk mengasah kemahiran membuat keputusan dan kerjasama maya, selari dengan tuntutan Revolusi Perindustrian Ke-4. Pernyataan tersebut selaras dengan Bou-Hamad Imad dan El Danaoui Mira (2024) bahawa pembelajaran yang pelbagai mampu meningkatkan minat pelajar untuk bersikap lebih kreatif dan inovatif.

Oleh yang demikian, jelas bahawa amalan pembelajaran hibrid dibentuk bagi menyokong pembelajaran berterusan selari dengan konsep Knowles (1986) yang mana intipati pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar dewasa memerlukan konsistensi dan relevan sebagai pencetus motivasi intrinsik kepada pelajar.

Kesediaan Kendiri Pelajar Dewasa

Kesediaan sendiri pelajar dewasa sememangnya melibatkan banyak aspek psikologi dan juga motivasi enstrinsik yang boleh mempengaruhi tahap efektif pembelajaran mereka. Menurut Supyan Hussin et al., (2012), pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai kesediaan sendiri yang tinggi bagi menerima pembelajaran secara mudah alih . Hal ini kerana mereka mengaplikasi kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi untuk pembelajaran secara sendiri (self-directed learning). Dapatan tersebut selari dengan dapatan oleh Devi et al., (2021) yang mendapati bahawa tahap kesediaan sendiri pelajar dewasa yang tinggi menandakan bahawa sokongan tambahan dalam aspek pengurusan sendiri yang dimiliki seperti kemahiran teknologi mampu menjadi dorongan buat mereka dalam proses pembelajaran. Kebanyakan pelajar kini mempunyai akses kepada internet sama ada melalui telefon pintar atau peranti tambahan lain seperti laptop dan tablet yang kini memberi peluang kepada pelajar di IPT untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran melalui pendidikan mudah alih (Wut Tai Ming et al., 2022).

Selain itu, tahap kesediaan sendiri pelajar juga merangkumi aspek pengurusan sendiri, keinginan belajar dan kendali sendiri yang mana tingkat penguasaannya berbeza bagi setiap pelajar. Kajian oleh Gulten Genc, Muhammed Nzif dan Ozge Kirmizibayrak (2024) mendapati bahawa kebanyakan pelajar yang menunjukkan skor tinggi dalam menjawab soal selidik SDLRS adalah mereka yang mempunyai minat dan keinginan untuk melalui proses perubahan dalam struktur pembelajaran. Hal ini kerana, mereka yang mempunyai pengalaman dan minat terhadap teknologi seperti gamifikasi atau suntingan, kelihatan lebih bersedia untuk menerima pembelajaran berbentuk dalam talian (Gulden Genc et al., 2024). Berbanding pelajar dewasa yang lebih ke arah pembelajaran bersemuka sahaja, mereka cenderung menunjukkan skor kesediaan sendiri yang rendah. Antara salah satu faktornya adalah keyakinan diri yang rendah untuk berinteraksi melalui maya, kekurangan kemudahan teknologi dan kurang pengalaman atau pengetahuan tentang teknologi dalam pembelajaran (Gulden Genc et al., 2024).

Melalui dapatan-dapatan tersebut, jelas bahawa bahan interaktif, panduan pengurusan masa, serta platform yang stabil dapat memperkukuh kesediaan sendiri pelajar dan seterusnya meningkatkan kepuasan pelajar dalam pembelajaran (Kumar & Pavan, 2021). Ini menunjukkan bahawa pernyataan oleh Knowles (1986) tentang faktor motivasi ekstrinsik sebagai dorongan tahap kesediaan sendiri pelajar adalah penting bagi memastikan setiap pelajar dapat mencapai matlamat mereka dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Hubungan Antara Pembelajaran Hibrid Dan Motivasi Pelajar Dewasa

Berdasarkan data yang dianalisis daripada 35 artikel, salah satu kajian literatur yang mengkaji tentang amalan pembelajaran hibrid juga menyentuh aspek motivasi pelajar dewasa. Motivasi sememangnya hadir daripada diri seseorang individu itu sendiri dan juga boleh dipengaruhi dan dibentuk melalui pengalaman dan persekitaran individu tersebut (Paimin, Mohd Noor, Adawiyah Sulaiman, Hidayah Yunus, Khusairi Othman dan Hidayah Liew Abdullah, 2024).

Hal tersebut kerana dorongan dalaman terbentuk daripada minat pelajar itu sendiri untuk mengetahui tentang sesuatu pengetahuan dengan lebih mendalam, manakan motivasi luaran bergantung kepada bagaimana sesuatu persekitaran itu menyediakan kemudahan dan “safe place” kepada pelajar untuk berkembang (Paimin et al., 2024).

Pernyataan tersebut selari dengan dapatan oleh Wang, S., Sun, Z., Wang, H., Yang, D., Zhang, H., (2025) bahawa reka bentuk pembelajaran hibrid yang berkesan adalah berdasarkan penyediaan kandungan pengajaran yang selaras dengan matlamat pelajar. Selain itu, kajian oleh Alharthy (2025) melaporkan dapatannya bahawa program hibrid dengan fokus bahasa Inggeris perubatan telah meningkatkan motivasi pelajar dewasa yang mana mereka menjadi lebih berminat kerana kandungan kursus yang dipelajari adalah berkait rapat dengan matlamat akademik dan kerjaya mereka. Ini jelas menyokong pernyataan oleh Paimin et al., (2024) tentang kemudahan pembelajaran sebagai salah satu faktor dorongan buat pelajar.

Selanjutnya, gaya pembelajaran interaktif atau gamifikasi dalam konteks hibrid turut dilaporkan membantu meningkatkan penglibatan pelajar (Nurkaliza Khalid & Norzalina Zainuddin, 2020). Hal ini kerana elemen yang wujud melalui kaedah gamifikasi tersebut mampu untuk menarik minat pelajar dan mengekalkan fokus mereka untuk berinteraksi secara aktif, sama ada bersama pensyarah atau sesama rakan (Qiong Li, Rongrong Xie & Minhui Li, 2025).

Elemen tersebut adalah berbeza daripada struktur pembelajaran yang hanya berfokus secara bersemuka yang mana setiap pelajar perlu berinteraksi atau melakukan eye-contact bagi membentuk komunikasi. Kaedah ini mudah bagi pelajar yang talkative dan aktif tetapi sukar bagi pelajar yang kurang daripada segi keinginan bersosialisasi (Nurkaliza Khalid & Norzalina Zainuddin, 2020).

Terdapat juga kajian-kajian lain yang menyebut isu teknikal dan kurangnya latihan pensyarah adalah antara cabaran yang boleh memberi impak negatif kepada motivasi pelajar (Milosz Wawrzyniec Romaniuk & Joanna Lukasiewicz-Wieleba). Kebolehan dan pengalaman tenaga pengajar adalah penting bagi menghasilkan satu suasana pembelajaran yang interaktif bersama pelajar (Milosz Wawrzyniec Romaniuk & Joanna Lukasiewicz-Wieleba, 2025). Hal ini kerana, minat yang telah wujud dalam diri pelajar dewasa perlu ditingkatkan melalui pembelajaran aktif yang diterima daripada pensyarah yang berpengalaman dan juga persekitaran pembelajaran yang menyediakan alternatif baru bagi membentuk dan mengasah kemahiran pelajar (Jamaluddin, Anuar, Aziz & Ibrahim, 2025).

Secara ringkasnya, motivasi pelajar dewasa dalam pembelajaran hibrid dipengaruhi oleh bagaimana modul pembelajaran direka sesuai dengan matlamat pembelajaran jangka panjang serta sokongan persekitaran sebagai faktor penting yang perlu diberi tumpuan kerana kesemua input tersebut adalah saling berkait dalam memantapkan keyakinan diri pelajar (Jamaluddin, Anuar, Aziz & Ibrahim, 2025).

Kepentingan Kajian

Pendedahan potensi pembelajaran hibrid dalam meningkatkan hasil pembelajaran dewasa adalah salah satu kepentingan kajian literatur ini. Sebagai contoh, Monachesi (2023) menegaskan bahawa ruang hibrid yang mempraktikkan pembelajaran fleksibel kepada pelajar sememangnya dapat mempertingkatkan pembelajaran kolaboratif berasaskan pengalaman. Dapatan kajian seperti peningkatan kemahiran sendiri dan pengurangan tekanan dalam model hibrid jelas menggariskan bahawa kestabilan emosi sebagai salah satu manfaat daripada amalan pembelajaran hibrid bagi pelajar dewasa (Hadad Shlomit, 2025)

Oleh itu, diharapkan agar penulisan ini dapat dijadikan panduan kepada pengkaji lain terutamanya dalam merangka penulisan dan menjalankan kajian tentang amalan pembelajaran hibrid bertujuan untuk melihat keberkesannya terhadap kesediaan pelajar sendiri pelajar dewasa, yang mana perbincangan melalui kajian literatur ini juga boleh memberi gambaran kepada pengkaji lain berkaitan kelebihan struktur pembelajaran hibrid di peringkat pengajian tinggi dan bagaimana untuk menjayakan pelaksanaannya kepada pelajar dewasa selaras dengan konsep Andragogi. Dengan itu, mereka yang merujuk penulisan ini dapat melihat dapatan daripada pelbagai pihak dan aspek individu sebagai rujukan dalam melaksanakan pembelajaran hibrid di peringkat IPT.

Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan

Walaupun kebanyakan kajian menggunakan rekaan kuantitatif rentas-segi masa, ia menghadkan kebolehulungan keputusan dalam jangka panjang. Tambahan pula, kebergantungan kepada soal selidik sendiri menimbulkan risiko bias sosial dan ingatan. Sementara itu, kajian kualitatif lazimnya mempunyai saiz sampel yang kecil, seperti yang dilaporkan oleh Ivanov et al. (2023), sekali gus menyukarkan proses generalisasi. Di samping itu, isu teknikal platform sering disebut tetapi jarang diuji melalui eksperimen terkawal.

Oleh itu, disarankan supaya penyelidikan masa depan menggunakan reka bentuk longitudinal untuk meneliti perkembangan kesediaan sendiri pelajar dewasa dan motivasi secara berterusan. Selain itu, penggunaan metodologi campuran dengan integrasi data tingkah laku (contohnya log sistem) dapat memperkayakan penemuan. Akhir sekali, ujian intervensi langsung terhadap sokongan teknikal dan psikososial boleh dijalankan bagi mengurangkan tekanan serta meningkatkan efikasi sendiri pelajar.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, analisis kandungan 35 artikel yang dilaksanakan menandakan bahawa amalan pembelajaran hibrid umumnya dilihat dapat menghasilkan pengalaman positif kepada pelajar dewasa dengan memanfaatkan kebolehubahsuaian (flexibility) dan akses sumber digital untuk pembelajaran sendiri. Tidak hanya itu, kesediaan sendiri pelajar juga dilihat umumnya menunjukkan skor sederhana kepada tinggi, dengan varians di antara pelajar dewasa bergantung kepada latar belakang sosiodemografi dan pengalaman teknologi mereka. Sumber analisis kajian literatur ini juga menunjukkan bahawa kesediaan sendiri pelajar boleh didorong oleh persekitaran hibrid sekiranya reka bentuk kursus mengambil kira objektif pembelajaran pelajar dewasa dan memberikan sokongan teknologi yang jitu. Justeru, melalui kajian ini, pengukuhan kesediaan sendiri pelajar dewasa dapat diasah dengan adalah sokongan yang mencukupi seperti institusi dan tenaga pengajar sekaligus memperkasa amalan pembelajaran hibrid sebagai pendekatan pembelajaran yang relevan.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di atas sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Khalil, S., & Fahimah Mohd Razif, N. (n.d.). Learning and Assessment Using E-Portfolio: A Study on Students Acceptance In The Courses Of Fiqh Al-Jinayat And Fiqh Al-Muamalat. *Journal of Islamic Educational Research*, 8, 128–2069.
- Alharthy F. (2025). Hybrid Learning Method in Teaching English for Medicine at the University of Bisha: Lecturers' and students' Perceptions. *Journal of English Language*

- Teaching & Applied Bou-Hamad, I., & el Danaoui, M. (2024). Exploring the effects of e-learning readiness and psychological distress on graduate students' e-learning satisfaction during the COVID-19 pandemic: A descriptive study from Lebanon. *Heliyon*, 10(12).
- Das, P., & Bhuwandeep. (2022). Leveraging level of student engagement for online class design in management education. *Journal of Education for Business*, 97(1), 21–28.
- Devi, V., Devan, D., & Han. (2021). Terms and conditions Privacy policy Comparison of self-directed learning readiness among students experiencing hybrid and traditional curriculum. In *Journal of Clinical and Diagnostic Research* (Vol. 6, Issue 6).
- Fearnley, Marissa & Christopher. 2021. Assessing Students' Online Learning Readiness: Are College Freshmen Ready? *Asia-Pacific Social Science Review*, 21 (3): 249
- Fitriawan, Akbar, Kurniawan, Dedi, Nailufar, Yuyun, Retnaningsih, Listyana, Achmad Bayu, Setyaningsih & Wiwit Anand. 2023. *Malaysian Journal of Medicine & Health Sciences*, 19: 125
- Formation of Methodological Readiness for Mediation in Masters' Students of the Psychological and Pedagogical Faculties Using a Hybrid Learning Model.* (n.d.).
- Gudoniene, D., Staneviciene, E., Huet, I., Dickel, J., Dieng, D., Degroote, J., Rocio, V., Butkiene, R., & Casanova, D. (2025). Hybrid Teaching and Learning in Higher Education: A Systematic Literature Review. In *Sustainability (Switzerland)* (Vol. 17, Issue 2). Multidisciplinary Digital Publishing Institute (MDPI).
- Hadad, S. Learning in crisis: self-regulation, routine-facilitated well-being, and academic stress among higher education students. *Metacognition Learning* 20, 21 (2025).
- Ilgaz, H. (2019). Adult Learners' Participation in A Blended Learning Environment: A Case Study on Imposed Pace Learning. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 7(4), 15–29.
- Ip, S. W. S., & To, W. M. (2025). Effects of Online Learning Readiness and Online Self-Regulated English Learning on Satisfaction with Online English Learning Experience During the COVID-19 Pandemic. *Behavioral Sciences*, 15(1).
- Jamaluddin, J. E., Anuar, A., Aziz, T. J. I. A., & Ibrahim, Z. (2025). Students' Engagement During Virtual Learning Implementation at UNITEN. *AIP Conference Proceedings*, 3056(1).
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*.
- Jaya, F., & Nurqamarani, A. S. (2023). Understanding Student Engagement in Hybrid Learning : An Analysis Impact Digital Literacy and Academic Self-Efficacy. *Jurnal Kependidikan: Jurnal Hasil Penelitian Dan Kajian Kepustakaan Di Bidang Pendidikan, Pengajaran Dan Pembelajaran*,
- Kaedah, K., Tentang, G., Belajar Atas Talian, K., Berasaskan, M., Dalam Kalangan, S., Matematik, P., Menggunakan, Y., Gamifikasi, P., Pembelajaran, O., & Khalid Norzalina, N. (n.d.). *A Mixed Method Study on Online Learning Readiness and Situational Motivation among Mathematics Students using Gamified Learning Objects*.
- Kumar & Pavan. 2021. Impact of Online Learning Readiness on Students Satisfaction in Higher Educational Institutions. *Journal of Engineering Education Transformations*, 31 (1): 64.
- Kursus, P., Hibrid, P., Pendidikan, K., Jabatan, T., & Tinggi, P. (n.d.). *GARIS PANDUAN*.
- Khatun, J., Halder, U. K., & Hasan, M. (n.d.). *Hybrid Learning: Challenges & Opportunities*.
- Linguistics (JELTAL), 7(1), 81–87.
- <https://doi.org/eresourcesptsl.ukm.remotexs.co/10.32996/jeltal.2025.7.1.8>

- Mabanza, & Ntima. (n.d.). Adults' Readiness to Embrace 4th Industrial Revolution Emerging Technologies in the South African Context. *Towards a hybrid, flexible and socially engaged higher education*.
- Murat Korucuk. 2025. The Effect of Students' Distance Education Self-Efficacy Beliefs on Their Readiness for Online Learning and Their Academic Life Satisfaction. *Pegem Journal of Education & Instruction / Pegem Egitim ve Öğretim*, 15 (1): 104
- Osaili, T. M., Ismail, L. C., ElMehdi, H. M., Al-Nabulsi, A. A., Taybeh, A. O., Saleh, S. T., Kassem, H., Alkhalidy, H., Ali, H. I., al Dhaheri, A. S., & Stojanovska, L. (2023). Comparison of students' perceptions of online and hybrid learning modalities during the covid-19 pandemic: The case of the University of Sharjah. *PLoS ONE*, 18(3 March).
- Ouhbi Sofia, & Pombo Nuno. (2024). Hybrid Work Provides the Best of both Worlds" Software Engineering Students' Perception of Group Work in Different Work Settings. *Towards A Hybrid, Flexible and Socially Engaged Higher Education*, 2, 455–466.
- Paimin, A. N., Sulaiman, N. A. binti, Othman, A. K., Noor, M. S. bin M., Yunus, N. H. M., & Abdullah, N. H. L. (2024). *A Study of Resilience Profile of Firstyear Students During Hybrid Learning*. 1–4.
- Qiong, L., Rongrong, X., & Minhui, L. (2025). Factors influencing positive perceptions of hybrid teaching in higher education: a case study of an engineering university. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 22(1).
- Romaniuk, M. W., & Łukasiewicz-Wieleba, J. (2022). Hybrid Education in Higher Education on the Example of Students' Experiences in Post-pandemic Reality. *International Journal of Electronics and Telecommunications*, 68(3), 497–504.
- Sabitha Marican (2005), Kaedah Penyelidikan Sains Sosial, Petaling Jaya, Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Suryanto, S., Purwanti, E., Limbong, E., Sitorus, A., Shinjee, B., & Alsolami, T. (2024). Assessing English Language Education Students' Attitudes in Hybrid Learning Instructional Environments. *E3S Web of Conferences*, 594.
- Taib, R., Wei Wei, C., & Lee Fong, K. (2021). Kesiediaan Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Elektronik Bagi Subjek Hubungan Etnik (Students' Readiness towards E-Learning for Ethnic Relations Subject). In *Culture and Social Learning* (Vol. 18, Issue 4).
- Taha Abu-elsoud, H. M. E., Abdelgawad, M. A., & Abdelmaksoud, M. A. (2025). Bridging the Gap: A Hybrid Learning Approach to Enhance Medical Students' English Proficiency and Motivation. *BSU Journal of Pedagogy & Curriculum*, 4(7), 161–176.
- Wang, S., Sun, Z., Wang, H., Yang, D., & Zhang, H. (2025). Enhancing student acceptance of artificial intelligence-driven hybrid learning in business education: Interaction between self-efficacy, playfulness, emotional engagement, and university support. *International Journal of Management Education*, 23(2).
- Weeden, L. (n.d.). *Student Achievement in the State of Tennessee Through Virtual Learning in Asynchronous, Bisynchronous, and Hybrid Approaches*. <https://dc.etsu.edu/etd/4439>
- Will Foxwell. (2021). *Online Learning Readiness and*.
- Win, M. T., & Ahmad, A. (2023). Readiness for Self-Directed Learning Among Undergraduate Students at Asia Metropolitan University in Johor Bahru, Malaysia. *Education in Medicine Journal*, 15(1), 29–40.
- Wut, T. M., Xu, J., Lee, S. W., & Lee, D. (2022). University Student Readiness and Its Effect on Intention to Participate in the Flipped Classroom Setting of Hybrid Learning. *Education Sciences*, 12(7).
- Wut, T. ming, Wong, H. S. mun, & Sum, C. K. man. (2025). Person-to-person interactions in hybrid teaching and learning. *International Journal of Educational Research Open*, 9.

- Yee Ling Lee, & Ramasamy, R. T. (2024). Hybrid Learning at Higher Education Institution: A Needs Analysis for Synergistic Scaffolds. *Journal of Institutional Research South East Asia*, 22(3), 22–46.
- Zhang, F., Li, S., Zhao, Q. *et al.* Assessing and prioritizing interactive teaching modes based on student satisfaction in higher education: A case study of a freshmen class. *Educ Inf Technol* 30, 6511–6545 (2025).